

22/04/1997

PM Hungary mulakan lawatan dua hari

KUALA LUMPUR, Isnin - Perdana Menteri Hungary, Gyula Horn dan isteri, Anna Horn, diberi sambutan permaidani merah di Dataran Parlimen pagi ini bagi memulakan lawatan rasmi dua hari ke Malaysia.

Horn yang diiringi rakan sejawatannya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, memeriksa perbarisan kehormatan 106 pegawai dan anggota Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD) di bawah pegawai memerintah, Mejar Hamdi Abdul Rahman, sebelum diperkenalkan kepada jemaah menteri dan perwakilan asing.

Terdahulu Horn dan delegasinya disambut di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang oleh Menteri Pertahanan Datuk Syed Hamid Albar.

Beliau tiba dari Langkawi selepas menghabiskan lawatan peribadi selama dua hari di pulau peranginan berkenaan.

Horn dan delegasinya akan mengadakan perbincangan dengan Dr Mahathir di Jabatan Perdana Menteri diikuti upacara menandatangani perjanjian kerjasama sains dan teknologi antara kedua-dua pihak.

(END)